

## **KENAIKAN DAN KEJATUHAN PARTI-PARTI BERLANDASKAN ISLAM DI TURKI, 1970 – 2002**

*Mashitah Sulaiman, Mohammad Redzuan Othman*

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*mashitah@usim.edu.my*

### **Abstrak**

Peningkatan sokongan dan pengharaman *Milli Nizam Partisi* (MNP), *Milli Selamat Partisi* (MSP), *Refah Partisi* (RP) dan *Fazilet Partisi* (FP) adalah antara episod yang memperlihatkan pertembungan antara Islam dan kepimpinan sedia ada di Turki, apabila parti-parti ini dilihat mampu mengugat kedudukan sekularisme dan status quo pihak tentera yang menjadi penjaga kepada prinsip Kemalisme, peninggalan Mustapha Kemal Ataturk. Artikel ini menganalisis fenomena kenaikan dan kejatuhan parti-parti yang berlandaskan Islam di Turki, dari tahun 1970-an sehingga tahun 2002 dalam usaha mengembalikan amalan hidup secara Islam dan memartabatkan politik serta pemerintahan berlandaskan Islam di Turki. Tulisan ini juga turut mengupas latar belakang peribadi dan peranan yang dimainkan oleh Necmettin Erbakan dalam mencorakkan perjalanan politik Islam di Turki. Turut diberi perhatian ialah fenomena kemunculan dua parti yang berasal dari serpihan parti-parti yang pernah diharamkan dalam memberi nafas baharu kepada seruan terhadap Islam. *Saadet Partisi* (SP) ditubuhkan oleh Necmettin Erbakan meneruskan perjuangan kumpulan konservatif Islam, manakala *Adalet ve Kalkinma Partisi*, (AKP) yang dipimpin oleh Recep Tayyip Erdogan menonjolkan pendekatan pragmatis dan sederhana bagi mengelakkan pertentangan dengan pihak kepimpinan sekular. Berbanding pendekatan SP yang kurang disenangi dan semakin merosot, AKP berjaya menjadi sebuah parti yang mewakili suara majoriti rakyat Turki. Penyertaan AKP dalam arus perdana politik di negara itu membuktikan bahawa politik Islam mampu berjalan seiring dengan demokrasi apabila sistem tersebut diamalkan dalam erti kata yang sebenarnya.

**Kata kunci:** *Politik berlandaskan Islam, pengharaman, campur tangan tentera.*

## **Abstract**

*The increasing of support and ban to Milli Nizam Partisi (MNP), Milli Selamat Partisi (MSP), Refah Partisi (RP) and Fazilet Partisi (FP) is a few episodes of the clash between Islam and the current leadership, when the parties are seen as being able to shake the secularism and the military status quo which is the guardian of the Kemal legacy of Mustapha Kemal Ataturk. This article analyzes the phenomenon of the rise and fall of Islamic based parties in Turkey, from 1970 until 2002 in order to restore the practice of Islam and uphold life in politics and Islamic based government in Turkey. This paper also examines the personal background and the role played by Necmettin Erbakan in shaping the course of Islamic based politic in Turkey. Also concerned, the phenomenon of the emergence of two parties coming from the banned parties and giving new impetus to the call to Islam. Saadet Partisi (SP) was founded by Necmettin Erbakan's Islamic conservative groups continue the fight, while the Adalet ve Kalkınma Partisi (AKP) led by Recep Tayyip Erdogan highlights the pragmatic and moderate approach to avoid conflict with the secular leadership. SP approach compared to the less favored and deteriorating, the AKP managed to become a party that represents the majority of the Turkish people. AKP participation in mainstream politics in the country proves that Islamic based politic can go in line with democracy if the system practiced in the truest sense.*

**Keywords:** *Islamic based politic, bans, military intervention.*

## **Pendahuluan**

Penubuhan Republik Turki moden pada tahun 1923 telah menginstitusikan prinsip sekularisme dan tentera sebagai tunjang yang mendekatkan negara tersebut dengan Barat. Segala elemen yang mengembalikan masyarakat terhadap cara hidup Islam dihapuskan dan kemuncak kepada usaha pensekularan Turki ialah apabila institusi khalifah dibubarkan pada tahun 1924. Walaupun sekularisme dan prinsip Kemalisme menunjangi pembangunan negara Turki moden, terdapat usaha yang dilakukan oleh kumpulan liberal dan Islamis untuk memastikan amalan cara hidup Islam diperjuangkan melalui proses politik.

Selepas kematian Kemal Ataturk, Republik Turki diterajui oleh pengikutnya yang setia, iaitu Ismet Inonu. Apabila Perang Dunia Kedua berakhir, tuntutan ke arah liberalisasi semakin kuat bersetujuan dengan perkembangannya yang pesat di Eropah. Disebabkan desakan yang kuat selain membolehkan hubungan yang rapat dengan Barat, di bawah pemerintahannya, Inonu memberikan sedikit kelonggaran kepada rakyat Turki dan peluang ini memberi ruang kepada pelaksanaan sistem demokrasi pelbagai parti. Transformasi dalam sistem politik Turki berlaku dari satu parti kepada sistem demokrasi pelbagai parti yang menandakan berakhirnya pemerintahan yang bersifat autokratik dan bermulanya politik demokrasi. Era ini menyaksikan peralihan kuasa daripada parti pemerintah Parti Rakyat Republikan (CHP) yang diasaskan oleh Kemal kepada pembangkang utama, Parti Demokratik, dalam pilihan raya pertama republik tersebut pada tahun 1950. Penyertaan aktif parti-parti liberal dan pro-Islamis telah mewarnai sistem pelbagai parti di Turki dan disebabkan oleh dua pengaruh besar dalam sistem republik tersebut, iaitu legasi sekularisme dan campur tangan pihak tentera, sistem demokrasi Turki sering kali mengalami krisis politik. Fenomena kenaikan dan kejatuhan parti-parti yang berlandaskan Islam di Turki yang bermula sejak tahun 1970-an merupakan reaksi kepada pengaruh sekular dan legasi tentera dalam sistem politik Turki dalam usaha mengembalikan amalan hidup secara Islam dan memartabatkan politik serta pemerintahan berlandaskan Islam di Turki.

Penyertaan parti-parti berlandaskan Islam pimpinan Necmettin Erbakan banyak mencorakkan perjalanan politik Islam di Turki dari tahun 1970-an sehingga wujudnya usaha untuk menujuhkan AKP di bawah kepimpinan Recep Tayyip Erdogan dan Abdullah Gul yang merubah landskap politik Turki, daripada terikat kepada konservatif Islamis kepada pendekatan yang lebih pragmatis dan moderat bagi mengelakkan pertentangan dengan pihak kepimpinan sekular. Kebangkitan AKP juga menandakan era baharu bagi politik Islam walaupun berhadapan dengan pelbagai kekangan dalam sistem politik sedia ada dan status quo pihak tentera sebagai pemelihara prinsip sekular Turki. Parti tersebut berjaya meyakinkan dunia Islam dan Barat bahawa Islam mampu memacu pembangunan ekonomi dan politik Turki moden dalam sistem demokrasi yang diamalkan.

## Pembentukan dan Pengharaman MNP

Selepas negara sekular Turki ditegakkan oleh Kemal Ataturk, terdapat pelbagai pendekatan digunakan untuk mengembalikan masyarakat Turki kepada akar umbi yang membentuk identiti mereka iaitu Islam. Masyarakat Turki yang inginkan pembaharuan ke arah masyarakat yang lebih liberal dan mengangkat kebebasan individu boleh dikategorikan kepada dua golongan. Kumpulan pertama ialah mereka yang tergolong dalam kelompok pengikut sufi dan tarekat yang mahu mengamalkan amalan mereka secara bebas dan mengembalikan kehidupan beragama dalam masyarakat. Kumpulan kedua pula mahukan suasana politik yang lebih liberal dan setiap individu dihormati pegangan politik dan kepercayaannya.<sup>1</sup>

Kumpulan yang pertama didukungi oleh Bediuzzaman Said Nursi (1876/7 – 1960) yang memimpin sebuah gerakan Islah, lebih dikenali sebagai gerakan *Nurcu*. Walaupun gerakan ini memberikan penekanan kepada amalan sufi, gerakan ini juga menekankan kepada reformasi dalam masyarakat Turki melalui penekanan yang diberikan kepada kegiatan pendidikan. Malahan pada peringkat permulaan, Said Nursi terlibat dalam politik ketika berada di Mardin. Ketika itu, beliau telah bergabung dengan gerakan Turki Muda (CUP) dan menyeru diwujudkan kesatuan umat Islam bagi menyelamatkan Daulah Uthmaniyah yang semakin tenat kerana diancam oleh pencerobohan Barat. Namun begitu, apabila beliau melihat kecenderungan Kemal melaksanakan dasar sekular dan dasar ini dilihat bercanggah dengan Islam, Said Nursi memutuskan untuk meninggalkan politik dan menumpukan perhatian dalam bidang penulisan serta pendidikan.<sup>2</sup> Gerakan yang diasaskan oleh Bediuzzaman Said Nursi ini kemudiannya digerakkan oleh beberapa kumpulan. Salah sebuah kumpulan ini kini berkembang di bawah kepimpinan Fethullah Gulen yang melalui rangkaian institusi pendidikan, stesen radio serta televisyen dan penerbitan, gerakan *Nurcu* telah berjaya memainkan peranannya dalam memodenkan masyarakat Turki mengikut ajaran Islam. Idea, penulisan dan gerakan Said Nursi juga telah memberikan sumbangan yang besar kepada kesedaran dan pembaharuan masyarakat Turki yang mencerminkan dinamisme Islam dalam menghadapi cabaran zaman.<sup>3</sup>

Kumpulan kedua yang inginkan pembaharuan ke arah masyarakat Turki yang lebih liberal berjuang melalui landasan politik. Kumpulan ini diterajui oleh Celal Bayar dan Adnan Menderes yang menubuhkan Parti Demokrat dan seterusnya berjaya mengambil alih kuasa dari CHP pada tahun 1950. Namun begitu, Menderes terpaksa membayar harga yang tinggi disebabkan dasar yang dilaksanakannya yang memberi ruang terhadap pelaksanaan syariat Islam, apabila beliau mengakhiri perjuangannya di tali gantung.<sup>4</sup> Adnan Menderes dan dua orang anggota kabinet, iaitu Fatin Rustu Zorlu dan Hasan Polatkan telah didapati bersalah menyalahgunakan kuasa oleh mahkamah tentera dan dijatuhi hukuman gantung sampai mati di Pulau Imrali pada 16 September 1961.<sup>5</sup> Walau bagaimanapun, perjuangan untuk memartabatkan Islam terus berkuamadang menjelang awal tahun 1970-an dengan inisiatif yang diambil oleh sekumpulan masyarakat Islam untuk melibatkan diri dalam dunia politik sebagai satu pendekatan yang lebih praktikal dan berkesan, setelah menyedari peluang yang mungkin wujud dalam proses politik dan demokrasi. Penubuhan Milli Nizam Partisi pada Januari 1970 telah membolehkan tuntutan Islam dan budaya masyarakatnya terus dipertahankan, selain meletakkan harapan untuk membina kembali kegemilangan institusi peradaban Islam melalui dasar pelbagai parti dan pengenalan kepada amalan politik yang lebih demokratik oleh sistem demokrasi Turki.<sup>6</sup>

Sebagai reaksi awal terhadap perubahan yang berlaku selepas pembentukan republik oleh Mustapha Kemal dan kematian Adnan Menderes serta rakan-rakan, usaha mengembalikan Islam dalam kehidupan masyarakat Turki melalui proses politik diteruskan dengan penubuhan MNP pada 26 Januari 1970. Pengasas dan perintis yang bertanggungjawab mengetengahkan parti politik Islam sebagai wadah bagi memperjuangkan Islam di Republik Turki Moden ialah Necmettin Erbakan.<sup>7</sup> Dengan dibantu oleh pemimpin-pemimpin kanan lain, Erbakan telah menggerakkan jentera parti ke seluruh negara. Antara pemimpin utama yang memainkan peranan dalam penubuhan MNP ialah Hasan Aksay yang dipertanggungjawabkan mengatur organisasi, propaganda dan menyelia maklumat parti, Ahmet Tevfik Paksu dilantik sebagai Ketua Hal Ehwal Pilihan Raya dan menyelia pakatan campuran parti, Suleyman Arif Emre dilantik sebagai Setiausaha Agung parti, Ismail Muftuoglu dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Agung parti dan Omer

Faruk Ergin dilantik sebagai Akauntan Agung (Bendahari) parti. Sebahagian besar mereka yang menyertai MNP merupakan pemimpin yang pernah menganggotai Parti Keadilan atau *Adalet Partisi* yang tidak berpuas hati dengan dasar parti tersebut dan ingin mewujudkan satu wadah khusus bagi memperjuangkan Islam melalui pendekatan politik.<sup>8</sup>

Pada peringkat awal penubuhannya, mereka yang menyertai MNP merupakan serpihan kumpulan yang cenderung kepada dasar Islam dalam *Adalet Partisi* yang dipimpin oleh Suleyman Demirel. Keahlian MNP terdiri daripada warga kota, masyarakat luar bandar dan golongan pedagang serta peniaga.<sup>9</sup> Reaksi positif yang ditunjukkan oleh masyarakat dan pihak media terhadap penubuhan MNP memperlihatkan bahawa mesej yang dibawa oleh parti tersebut dapat diterima oleh rakyat. Kegigihan Erbakan dan pemimpin MNP memperluaskan cawangannya ke serata pelosok negeri membolehkan parti tersebut melebarkan sayapnya dalam tempoh yang singkat.<sup>10</sup>

MNP ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan syariat Islam dalam kehidupan masyarakat di Turki.<sup>11</sup> MNP meyakini bahawa pendekatan politik dalam pemerintahan merupakan salah satu cara terbaik untuk memastikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna dapat dilaksanakan di Turki. Dengan cara ini, matlamat kerohanian perlu diterapkan seiring dengan pembangunan fizikal dan kebendaan dalam mengejar kemajuan.<sup>12</sup> Namun demikian, dalam penampilan rasminya, MNP seboleh-bolehnya cuba mengelakkan diri daripada menonjolkan bentuk Islam yang diperjuangkan. Walau bagaimanapun, mesej yang sering disampaikan oleh MNP secara berulang kali menekankan keperluan “akhvak dan kebaikan atau kemuliaan.” Kedua-dua perkataan ini disebut dalam bahasa Turki sebagai *ahlak ve fazilet*, berasal daripada istilah Islam dalam bahasa Arab, iaitu *akhvak* dan *fadhilah* mempunyai kaitan yang erat dengan ajaran Islam yang merujuk kepada nilai-nilai yang dapat diterima oleh masyarakat umum. Retorik yang digunakan oleh MNP yang sering merujuk kepada nilai-nilai Islam yang murni ini menjelaskan kepada masyarakat akan dasar-dasar yang menjadi landasan perjuangannya.<sup>13</sup>

Dalam agenda parti, MNP turut memperjuangkan keadilan masyarakat dengan menggunakan tema moral dan mempertahankan hak kebebasan bersuara. MNP secara terang-terangan menentang Islam yang diperalatkan

untuk mencapai agenda politik, tetapi mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh institusi Islam seperti peranan yang dimainkan oleh Kementerian Hal Ehwal Agama (*Diyanet Isleri Baskanligi*) dalam menjaga kepentingan umat Islam.<sup>14</sup> Disebabkan wujud peruntukan yang jelas tentang pelaksanaan sekularisme dalam perlumbaan negara Turki, MNP tidak boleh menentang fahaman ini secara terbuka dalam menjelaskan perjuangannya. Namun begitu, MNP menyuarakan pandangannya bahawa parti tersebut menolak sebarang bentuk intepretasi sekularisme yang boleh mengundang permusuhan terhadap amalan beragama.<sup>15</sup>

Secara umumnya, MNP berdiri sebagai parti yang memperjuangkan demokrasi, keadilan sosial dan kebebasan bersuara. Parti tersebut berjuang untuk menimbulkan kesedaran bangsa Turki terhadap potensi akhlak, pembentukan peribadi yang luhur bagi mencapai kesejahteraan dan keamanan dalam masyarakat, di samping mencapai kemajuan dalam bidang sains dan teknologi. Ketika masih berada pada tahap awal berkecimpung dalam arena politik Turki, MNP telah berperanan menyedarkan masyarakat terhadap potensi Islam dalam membina peradaban bangsa Turki yang gemilang, sebagaimana yang pernah dicapai dan dipasak oleh Daulah Uthmaniyyah selama enam abad lamanya sebelum Mustapha Kemal Ataturk membentuk negara Turki moden yang sekular.<sup>16</sup>

### **Peranan Necmettin Erbakan dalam Perjuangan Politik Islam**

Dalam sejarah penglibatan Islam dalam politik sejak tiga dekad yang lalu, peranan penting yang dimainkan oleh Necmettin Erbakan ternyata tidak dapat dipisahkan. Personaliti Erbakan sering dirujuk sebagai mentor dan pengasas perjuangan politik berdasarkan Islam di Turki. Necmettin Erbakan dilahirkan pada 29 Oktober 1926 di Sinop, sebuah bandar yang terletak di pinggir Laut Hitam di sebelah utara Turki. Beliau mempunyai enam orang adik-beradik dan dibesarkan dalam keluarga yang mementingkan tradisi agama serta berpegang teguh pada ajaran Islam. Bapanya Mehmet Sabri Erbakan, merupakan seorang Qadi ketika pemerintahan Daulah Uthmaniyyah dan seterusnya dilantik menjadi hakim semasa zaman awal pembentukan Republik Turki.<sup>17</sup> Bapanya berasal dari Kozanogullari dan tinggal di Kozan dan Saimbeyli di Adana selama beberapa tahun. Oleh kerana kerjaya dan pelantikan bapanya dalam institusi

Islam di bawah naungan daulah dan negara Turki, maka zaman kanak-kanak Erbakan berada di banyak tempat. Ibunya, Kamer Hanim berasal dari keluarga yang amat dikenali di Sinop.<sup>18</sup>

Pendidikan agama serta latar belakang keluarganya banyak mempengaruhi sikap dan personaliti Erbakan yang tidak mudah menerima secara mudah perubahan persekitaran yang bertentangan dengan norma hidup Islam. Erbakan menghabiskan usia belianya dengan menuntut ilmu. Beliau merupakan seorang pelajar yang pintar dan cemerlang ketika berada di sekolah dan menuntut di universiti. Erbakan dibesarkan di bawah didikan Sheikh M. Zahid Kotku Hz., seorang imam Masjid Iskenderpasa dan Sheikh Tarikat Naqshabandi. Didikan daripada Shaikh Zahid Kotku banyak memberi kesan yang mendalam terhadap kematangan dan pembentukan akhlak Erbakan.<sup>19</sup> Beliau juga mendapat pendidikan awal di peringkat sekolah rendah di Sekolah Rendah Cumhuriyet di Kayseri dan seterusnya di Trabzon dan pendidikan menengah di Istanbul.<sup>20</sup> Setelah berjaya menamatkan pengajian di Sekolah Tinggi (Lelaki) Istanbul Lycee, beliau menjelaskan kakinya ke Universiti Teknikal Istanbul dengan pengkhususan dalam bidang kejuruteraan mekanikal. Salah seorang daripada rakannya di universiti ini ialah Suleyman Demirel yang kemudiannya menjadi seorang ahli politik terkemuka Turki.<sup>21</sup> Beliau berjaya menamatkan pengajiannya pada tahun 1948 dalam bidang kejuruteraan dengan mendapat kepujian kelas pertama dari universiti tersebut. Kegigihannya menuntut ilmu pengetahuan mendorong beliau melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana di universiti yang sama. Seterusnya, Erbakan mengambil keputusan meneruskan pengajiannya di peringkat doktor falsafah (PhD) dalam bidang kejuruteraan mekanikal pada tahun 1951.<sup>22</sup>

Erbakan juga mencapai kecemerlangan akademik apabila berjaya memperoleh ijazah kedoktorannya yang kedua dalam jurusan kejuruteraan *thermodynamics* dari Universiti Teknikal Rhenish-Westphalia, Aachen, Jerman di bawah seliaan Profesor Smith. Beliau menyiapkan tiga tesis dalam masa dua tahun dan satu daripadanya merupakan tesis di peringkat kedoktoran. Beliau merupakan saintis Turki pertama mendapat ijazah kedoktoran dalam bidang kejuruteraan dari sebuah universiti di Jerman dan kembali ke Istanbul menduduki peperiksaan untuk jawatan Pembantu Profesor.<sup>23</sup> Semasa menetap

di Jerman antara tahun 1954 hingga 1956, Erbakan berjaya melakukan kajian berkenaan enjin yang kurang menggunakan minyak untuk Kementerian Ekonomi Jerman. Selepas tesisnya diterbitkan di sebuah majalah terkenal negara itu, Prof. Dr Flats yang menjadi pengarah kilang enjin terbesar pada waktu itu, iaitu DEUTZ menjemput beliau untuk menjalankan kajian berkenaan Kereta Kebal Leopard. Di sinilah bermulanya peranan Erbakan sebagai ketua penyelidik atau saintis dengan sebuah syarikat pembuat kereta kebal tentera dan pembekal peralatan ketenteraan terkenal, iaitu *Leopard*. Ketika berkhidmat dengan syarikat tersebut Erbakan turut memainkan peranan penting mencipta inovasi untuk projek yang dijalankan oleh syarikat tersebut.<sup>24</sup>

Sekembalinya ke Turki pada tahun 1956, Erbakan mendirikan kilang enjin bermotor, iaitu *GUMUS*. Produk kilang ini berjaya memberikan saingan yang sengit kepada produk industri motor yang diimport. Penubuhan kilang ini merupakan kejayaan besar bagi Turki kerana berjaya membangunkan industri permotoran bertaraf dunia. Perdana Menteri, Adnan Menderes memberi ucapan tahniah kepada Erbakan atas kejayaan yang dicapai oleh beliau. Kilang ini juga merupakan satu-satunya pengeluar yang menghasilkan dan mengeksport enjin berasaskan diesel di Turki pada ketika itu. Erbakan masih mengekalkan jawatannya sebagai pengarah dalam industri permotoran tempatan hingga tahun 1963. Pada tahun 1960, dalam kongres industri yang diadakan, Erbakan menyarankan agar Turki mengeluarkan produk automobilnya sendiri. Kemudian, dengan inisiatif yang dilakukannya, kereta jenama Turki pertama, iaitu *DEVRIM* dihasilkan oleh syarikat automobil tempatan pertama di Turki yang diusahakan oleh Erbakan.<sup>25</sup> Ketika terlibat secara langsung dalam bidang industri, Erbakan turut menyambung kariernya sebagai ahli akademik di Universiti Teknikal Istanbul. Beliau menjadi pembantu profesor termuda yang dilantik pada usia 27 tahun. Pada tahun 1953 beliau dilantik menyandang jawatan Profesor Madya dan seterusnya dianugerahkan gelaran Profesor penuh dalam tahun 1965. Beliau juga pernah dilantik sebagai Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal di universiti tersebut.<sup>26</sup>

Pada tahun 1966 Erbakan bertanding merebut jawatan Pengurus Dewan Perdagangan dan Industri yang dikenali mengikut akronim dalam bahasa Turki sebagai TOB (*Türkiye Odalar Birligi*).<sup>27</sup> Kesatuan yang ditubuhkan pada

tahun 1952 ini, disertai oleh pelbagai pertubuhan swasta seperti Kesatuan Dewan-Dewan Pertanian, Pertubuhan Pedagang dan Peniaga, Kesatuan Dewan Perdagangan, Industri dan Pertukaran Komoditi merupakan sebuah pertubuhan industri yang berpengaruh.<sup>28</sup> Erbakan menyandang jawatan sebagai Pengurus TOB selama tiga tahun, iaitu dari tahun 1966 hingga tahun 1969, apabila pada tahun tersebut beliau mengambil keputusan untuk terjun dalam bidang politik dengan bertanding dalam pilihan raya. Erbakan pernah memohon untuk menyertai Adalet Partisi, namun begitu permohonan beliau ditolak. Beliau bertanding sebagai calon bebas bagi merebut kerusi Parlimen Konya. Dalam pilihan raya yang diadakan itu Erbakan berjaya memperoleh kemenangan yang besar. Kemenangan yang dicapai melayakkkan beliau menjadi anggota Dewan Perhimpunan Kebangsaan Turki untuk pertama kalinya.<sup>29</sup> Erbakan mendirikan rumah tangga bersama Nermin Erbakan, seorang graduan jurusan Ekonomi pada tahun 1967. Beliau mempunyai dua orang anak perempuan, Zeynep lahir pada tahun 1968, Elif lahir pada tahun 1974 dan seorang anak lelaki, Muhammed Fatih lahir pada tahun 1979.<sup>30</sup>

Kejayaan yang dicapai dalam pilihan raya ini mendorong Erbakan menubuhkan *National Order Party* atau Milli Nizam Partisi (MNP) pada bulan Januari 1970. MNP merupakan sebuah parti yang mempunyai dasar dan kecenderungan terhadap Islam yang jelas. Erbakan memimpin MNP selama lebih kurang 16 bulan antara bulan Januari 1970 hingga bulan Mei 1971 kerana parti tersebut kemudiannya telah diarahkan tutup oleh Mahkamah Perlembagaan Turki atas dakwaan menimbulkan sentimen ‘kebangkitan agama’.<sup>31</sup> Sejak dari awal lagi penglibatan Islam dalam politik di Turki terpaksa berhadapan dengan pelbagai halangan dan cabaran. Dasar sekular yang termaktub dalam Perlembagaan Turki merupakan cabaran besar buat MNP yang terpaksa dihadapinya. Perlembagaan Turki menetapkan bahawa sebarang bentuk sentimen yang berkaitan dengan agama tidak boleh dijelmakan dalam bentuk politik lebih-lebih lagi untuk dilaksanakan dan disebar luas kepada umum. Kenyataan secara terbuka tentang hasrat untuk melaksanakan Islam boleh mengundang penentangan golongan sekular yang disokong kuat oleh pihak tentera.<sup>32</sup>

Ketidakstabilan politik dan kemelut ekonomi yang berlaku pada tahun 1970-an juga menghalang pelaksanaan dasar politik yang lebih liberal dan

keadaan ini mencetuskan krisis dalaman negara. Defisit negara Turki meningkat daripada TL 2.5 bilion pada tahun 1969 kepada TL 3.2 bilion pada tahun 1970.<sup>33</sup> Di samping itu, prestasi pembangunan industri juga jatuh mendadak daripada 12 peratus antara tahun 1965 hingga tahun 1969, kepada 1.5 peratus dalam tahun 1970. Keadaan yang tidak stabil ini telah diburukkan lagi dengan tuntutan kenaikan gaji oleh kesatuan sekerja dan desakan menuntut wilayah autonomi oleh puak Kurdi. Pelajar-pelajar universiti pula sering menganjurkan perhimpunan yang lantang menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap dasar-dasar kerajaan. Sementara itu gabungan kesatuan pekerja, Parti Buruh Turki dan pergerakan belia semakin giat melakukan agitasi di serata tempat dengan mengadakan demonstrasi dan mogok secara besar-besaran yang mencetuskan suasana politik dalam negara yang semakin tegang.<sup>34</sup>

Suasana ekonomi dan politik yang tidak menentu ini mendorong campur tangan tentera ke atas pentadbiran kerajaan setelah kekacauan dalam negara tidak mampu ditangani secara bijaksana oleh pemerintahan awam. Melalui memorandum yang dihantar oleh kepimpinan tentera kepada Presiden Cevdet Sunay pada 12 Mac 1971, desakan telah dilakukan supaya Suleyman Demirel meletak jawatan bagi membolehkan pihak tentera mengambil alih pentadbiran negara.<sup>35</sup> Undang-undang Tentera diisyiharkan pada 27 April 1971 di 11 daripada 65 buah wilayah di Turki. Majlis Keselamatan Negara (*National Security Council*) pula mengawasi segala bentuk aktiviti yang bertentangan dengan dasar republik tersebut. Penerbitan akhbar dan penyiaran oleh media elektronik diawasi, mogok diharamkan, manakala beratus-ratus orang yang terdiri daripada kumpulan berhaluan kiri dan kanan telah ditahan. Termasuk dalam kelompok yang ditahan dan dicurigai oleh pihak tentera ialah ahli akademik, aktivis politik dan golongan muda. Atas arahan Presiden Cevdet Sunay, kerajaan dan Kabinet Demirel dilucutkan kuasanya daripada menjalankan urusan mentadbir negara.<sup>36</sup>

Undang-undang tentera yang diisyiharkan turut merangkumi pengharaman ke atas kegiatan parti-parti politik. Pengharaman ini juga melibatkan Parti MNP apabila parti tersebut diarah tutup pada 20 Mei 1971 oleh Mahkamah Perlembagaan Turki kerana didakwa mengancam prinsip sekularisme yang diasaskan oleh Kemal Ataturk.<sup>37</sup> MNP dituduh cuba

menggunakan agama untuk mencapai matlamat politik yang secara tidak langsung melanggar peruntukan undang-undang dalam artikel 2, 19 dan 57 Perlembagaan Turki tahun 1961.<sup>38</sup> Ucapan-ucapan yang disampaikan Erbakan dianggap merbahaya kerana mengkritik secara terbuka dasar sekular negara dan reformasi yang diperkenalkan oleh Kemal Ataturk. Perkara yang ditimbulkan ini dijadikan alasan oleh pihak pendakwa raya untuk mengharamkan MNP daripada terus menjalankan aktiviti politik. Selepas rampasan kuasa tentera berlaku dan pengharaman yang dilakukan ke atas MNP, Erbakan telah pergi ke Switzerland dan tinggal di sana untuk beberapa ketika sehingga keadaan dalam negara kembali pulih dan aktiviti harian orang awam dapat dilaksanakan seperti biasa. Menjelang bulan Oktober 1972, kumpulan Islamis dibenarkan membentuk parti baharu. Peluang ini mendorong mereka menubuhkan *Milli Selamet Partisi* yang bermaksud Parti Penyelamat Kebangsaan. Parti ini dibenarkan untuk turut serta dalam pilihan raya umum yang diadakan pada tahun 1973 dan mencorakkan kerajaan campuran yang disertainya.<sup>39</sup>

### **MSP dalam Pakatan Kerajaan Campuran**

Pengharaman MNP telah mendorong penubuhan *Milli Selamet Partisi* (MSP) yang dibentuk pada 11 Oktober 1972 dan menjadi sebuah parti berhaluan Islam yang menjadi penerus kepada kesinambungan perjuangan Islam secara sah melalui wadah politik. Seramai 19 orang bekas ahli MNP telah memainkan peranan dalam penubuhan MSP.<sup>40</sup> Mereka termasuklah Suleyman Arif Emre, bekas Setiausaha Agung MNP yang dilantik menjadi Pengurusi MSP yang pertama. Pada ketika itu, Necmettin Erbakan hanya berperanan dan berada di sebalik tabir MSP kerana beliau enggan dikaitkan secara langsung dengan MNP. Bagi membolehkan dasar MSP disebarluaskan secara meluas, parti tersebut menerbitkan akhbar separa rasminya, iaitu *Milli Gazette* pada 12 Januari 1973.<sup>41</sup>

Pilihan Raya Parlimen tahun 1973 menjadi pilihan raya pertama dan bersejarah buat MSP selepas penubuhannya. Dalam pilihan raya ini, MSP berjaya memperoleh 11.8 peratus undi dan diperuntukkan sebanyak 48 kerusi Parlimen. MSP menjadi parti ketiga terbesar dari segi jumlah kerusi yang dimenangi selepas Parti Republik Rakyat (*Cumhuriyet Halk Partisi* - CHP) yang memperoleh 186 kerusi dan Parti Keadilan (*Adelet Partisi* - AP) mendapat 150 kerusi. Dengan keputusan yang diperoleh, amat sukar bagi CHP

yang cenderung kepada fahaman sosialis sekular dan AP yang mirip kepada kapitalis sekular untuk membentuk kerajaan campuran tanpa penyertaan MSP. Oleh hal yang demikian, tanpa mempunyai banyak pilihan, MSP terpaksa dimasukkan dan berperanan menjadi penentu kejayaan kerajaan campuran yang bakal dibentuk bersama, sama ada oleh CHP mahupun AP. Melalui undi percaya pada Januari 1974, kerajaan campuran antara CHP dan MSP berjaya dibentuk. Bagaimanapun, kerajaan campuran ini hanya berjaya bertahan selama setahun setengah apabila pada 18 April 1974, kerajaan yang diketuai oleh Bulent Ecevit ini meletak jawatan sebagai Perdana Menteri Turki kerana tidak berjaya mendapat sokongan padu bagi kerajaan yang dipimpinnya.<sup>42</sup>

Sepanjang menyertai tiga pakatan kerajaan campuran, MSP telah memainkan peranan penting dalam pembangunan dan perkembangan politik Turki. Gagasan modenisasi secara Islam yang berteraskan akhlak dan pembentukan peribadi yang luhur telah diperkenalkan oleh MSP. Dalam tempoh lapan tahun (1973 – 1980) menyertai kerajaan campuran, Erbakan telah menggunakan seluruh peluang yang ada untuk kepentingan Islam di Turki. Melalui kebijaksanaan Erbakan, MSP berjaya memperoleh beberapa jawatan penting dalam kerajaan campuran. Hal ini termasuklah menduduki jawatan Timbalan Perdana Menteri yang disandang oleh Erbakan, Menteri Dalam Negara oleh Suleyman Emre, Menteri Kehakiman oleh Sevket Kazan, Menteri Dalam Negeri oleh Oguzhan Asilturk, Menteri Perdagangan yang disandang oleh Fehim Adak dan Menteri Makanan, Pertanian dan Ternakan disandang oleh Korkut Ozal.<sup>43</sup>

Melalui peranan dan kebijaksanaan Erbakan dalam kerajaan campuran kedua yang dibentuk bersama AP setelah peletakan jawatan Bulent Ecevit, MSP berjaya mendapat lebihan satu portfolio menteri berbanding dalam kerajaan campuran sebelumnya. Agihan anggota kabinet dalam kerajaan campuran yang dibentuk pada 31 Mac 1975 terdiri daripada 16 orang menteri AP, lapan orang menteri MSP, empat wakil Parti Kepercayaan Rakyat atau *Chumhuriyetci Guven Partisi* (CGP) dan dua orang wakil Parti Gerakan Kebangsaan atau *Milli Hareket Partisi* (MHP). MSP diwakili oleh Necmettin Erbakan sebagai Timbalan Perdana Menteri, Hasan Aksay sebagai Menteri Negara, Ismail Muftuoglu selaku Menteri Kehakiman, Oguzhan Asilturk selaku Menteri Dalam Negeri, Fehim Adak selaku Menteri Kerja Raya, Korkut

Ozal sebagai Menteri Makanan, Pertanian dan Ternakan dan Abdelkarim Dogru sebagai Menteri Buruh dan juga merangkap Menteri Industri.<sup>44</sup>

Kesempatan yang diperoleh oleh MSP ketika berada dalam kerajaan campuran digunakan untuk melaksanakan program pembangunan berteraskan Islam. MSP berjaya menggunakan kuasanya dengan meluluskan peruntukan besar untuk membina masjid di kawasan luar bandar. Sebanyak lima ribu buah masjid baharu telah dibina dan sejumlah TL500 juta diperuntukkan untuk urusan membaik pulih dan menyelenggara masjid di seluruh negara.<sup>45</sup> Antara kejayaan lain MSP ialah merombak dasar sekular bagi memastikan kepentingan masyarakat Islam terus terpelihara. Antaranya, termasuklah membenarkan umat Islam menunaikan ibadah haji ke Mekah melalui jalan darat, rancangan televisyen dan radio berbentuk keagamaan, dan mengemukakan usul supaya cuti mingguan pada hari Ahad dipinda ke hari Jumaat.<sup>46</sup> Selain itu, dalam tempoh empat tahun bersama kerajaan campuran (1974 – 1978), Erbakan sebagai Timbalan Perdana Menteri Turki juga memainkan peranannya yang penting dalam aspek pembangunan moral dan material rakyat Turki, kejayaan Turki di Cyprus, mengasaskan pembangunan industri berat, mendapat keahlian penuh Konferensi Persatuan Islam (OIC) dan menjamin persamaan hak kepada graduan dari Sekolah-sekolah Tinggi Imam-Hatip dalam peperiksaan kemasukan ke universiti. Tindakan ini ternyata telah mengembalikan peranan Islam dalam konteks pembangunan agama, sosial dan kebajikan umat Islam di Turki yang telah ‘dihapuskan’ oleh Kemal sejak penubuhan Republik Turki yang sekular.<sup>47</sup>

Sementara itu, beberapa buah kementerian yang dikuasai oleh menteri-menteri MSP juga turut menjalankan agenda yang memberi manfaat kepada kepentingan Islam. Antaranya, Menteri Dalam Negeri telah mengarahkan supaya patung-patung dan bahan lucu yang dipamerkan di tempat awam Turki dibuang kerana bertentangan dengan norma dan syariat Islam. Tindakan undang-undang juga dikenakan ke atas seorang pengarah sebuah stesen televisyen tempatan kerana menayangkan sebuah filem dokumentari yang mengandungi unsur lucu. Penjualan arak tanpa permit di semua premis perniagaan dan restoran juga diharamkan dan pemantauannya dilakukan di bawah pengawasan Menteri Dalam Negeri.<sup>48</sup>

Walaupun dengan peranan dan kedudukan MSP yang tidak kurang pentingnya dalam kerajaan campuran, harus disedari bahawa Turki pada ketika itu masih berada dalam senario ekonomi dan politik yang tidak kukuh. Dalam keadaan politik yang tidak stabil, Turki mengadakan pilihan raya pada tahun 1977. Dalam pilihan raya ini MSP mengalami kemerosotan undi dengan hanya memperoleh sebanyak 8.56 peratus undi atau peruntukan sebanyak 24 kerusi di Parlimen. Sebaliknya, CHP memperoleh sebanyak 213 kerusi, AP mendapat 189 kerusi dan MHP sebanyak 16 kerusi. Keadaan politik terus tidak stabil dan memaksa Turki mengadakan pilihan raya sekali lagi pada tahun 1979. MSP terus mengalami kemerosotan kerusi apabila hanya menang empat kerusi dalam pilihan raya tersebut berbanding AP yang mendapat 33 kerusi, CHP memperoleh 12 kerusi dan MHP dengan satu kerusi. Bagaimanapun, MSP masih menyertai kerajaan campuran pimpinan Suleyman Demirel, walaupun dengan penyertaan dan peranan yang kecil sehingga berlakunya kudeta tentera ke atas kerajaan yang sah.<sup>49</sup>

Rampasan kuasa oleh pihak tentera pada 12 September 1980 telah menamatkan segala aktiviti politik MSP serta kesemua pertubuhan politik berhaluan kiri dan kanan di Turki. MSP diharamkan atas alasan menggunakan agama untuk tujuan politik, sekali gus bertentangan dengan dasar sekular negara itu.<sup>50</sup> Perhimpunan politik anjuran MSP di Konya berjaya menghimpunkan 100 ribu orang telah mengundang tindakan tegas oleh pihak tentera ke atas parti tersebut. Susulan rampasan kuasa tentera ini, segala aktiviti politik dalam negara telah digantung. Suleyman Demirel dan Bulent Ecevit bersama-sama 60 orang pengikut mereka ditahan, tetapi dibebaskan semula tidak berapa lama kemudian, Necmettin Erbakan yang pada awalnya dibebaskan telah ditahan semula dan dihadapkan ke mahkamah tentera atas tuduhan melanggar undang-undang negara. Erbakan kemudiannya didapati bersalah atas pertuduhan tersebut dan dipenjara selama empat tahun.<sup>51</sup>

### **Kerajaan Pimpinan *Refah* dan Pengharaman Parti**

Berikut rampasan kuasa tentera 1980, satu perlembagaan baharu dikemukakan pada tahun 1982 bagi memperbaiki beberapa kelemahan yang didapati daripada Perlembagaan tahun 1961. Hal ini termasuklah keadaan yang berlaku sebelumnya apabila parti-parti kecil, terutamanya yang cenderung

kepada Islam mampu mencorakkan politik negara. Dalam perlembagaan ini, peraturan pilihan raya dengan menetapkan bahawa setiap parti yang bertanding hendaklah mendapat sekurang-kurangnya sepuluh peratus daripada keseluruhan undi untuk melayakkan partinya menghantar wakil ke Parlimen. Pelaksanaan peraturan ini ternyata memberi kesan kepada keputusan Pilihan Raya Umum 1983 dan Pilihan Raya Majlis Perbandaran 1984 yang memberikan kemenangan besar kepada parti-parti utama dan menyisihkan sama sekali parti-parti kecil.<sup>52</sup>

Pengharaman MSP mendorong kepada penubuhan Refah Partisi pada 19 Julai 1983. Walau bagaimanapun, ketika ditubuhkan urusan berkaitan organisasi Refah Partisi telah diletakkan di bawah kepimpinan Ali Tukmen, iaitu seorang bekas pemimpin Milli Selamet Partisi. Pada peringkat awal, Erbakan tidak terlibat secara langsung dalam pembentukan parti baru ini disebabkan larangan berpolitik yang dikenakan ke atas beliau, berikutan rampasan kuasa tentera pada tahun 1980. Namun begitu, setelah dibenarkan kembali berpolitik, Erbakan telah mengambil alih kepimpinan parti tersebut.<sup>53</sup>

Pilihan raya Turki pada tahun 1983 yang diadakan selepas pemerintahan tentera telah mengembalikan semula pemerintahan awam dalam sistem demokrasi yang dimenangi oleh Parti Ibu Pertiwi atau *Anavatan Partisi* (ANAP) pimpinan Turgut Ozal. Turgut Ozal yang kemudiannya dilantik menjadi Presiden Turki dikatakan seorang pengikut Tareqat Naqsyabandiyah. Sebagai seorang yang bersimpati kepada Islam, di bawah pentadbirannya beliau turut memberikan sokongan kepada aktiviti-aktiviti yang bercorak keislaman. Sokongan beliau terhadap program pembangunan Islam sama ada di dalam mahupun di luar negara telah menonjolkan peranan Turki dalam kalangan negara Islam. Pendekatan yang diambil oleh Turgut Ozal turut membantu memberi peluang kepada golongan berhaluan Islam melebarkan pengaruh mereka, apabila golongan ini memainkan peranan dalam politik, institusi pendidikan dan aktiviti kemasyarakatan.<sup>54</sup>

Ketika pemerintahan Turgut Ozal, golongan Islamis telah berjaya mengembangkan pengaruh mereka dalam sektor perkhidmatan awam.<sup>55</sup> Pelajar lepasan Madrasah Imam Hatip yang berada dalam perkhidmatan kerajaan dan terlibat dalam politik contohnya telah menggerakkan kecenderungan untuk

menghidupkan budaya Islam dalam institusi awam dan organisasi sosial. Kecenderungan Turgut Ozal terhadap Islam juga ketara apabila beliau sering memberi ruang yang secara relatifnya cukup signifikan tentang idea yang memberi penekanan kepada peranan Islam dalam memacu pembangunan negara. Islam juga telah menjadi alat penyatuan di peringkat nasional dan diberi keutamaan dalam merangka agenda utama negara yang dilaksanakan semasa Turki dipimpin oleh beliau.<sup>56</sup>

Penglibatan kumpulan Islamis dalam program yang bersifat keislaman pada ketika itu dipayungi oleh Kementerian Pelajaran. Kesempatan dan peluang ini turut digunakan oleh *Refah Partisi* yang dipimpin oleh Erbakan untuk meluaskan pengaruhnya. Beliau bukan sahaja menyokong kuat program berbentuk keislaman yang didukung oleh pemerintah Turki, malahan turut menyertai aktiviti seumpama itu secara aktif. Suatu hal yang menarik dalam sistem politik di Turki, walaupun dengankekangan yang dikenakan, Islam masih menjadi salah satu agenda penting dalam perjuangan parti-parti politik dan sering memainkan peranan dalam menentukan kemenangan mereka.<sup>57</sup>

Sungguhpun *Refah Partisi* tidak dibenarkan terlibat dalam pilihan raya umum yang diadakan pada tahun 1983, parti tersebut dibenarkan terlibat dalam Pilihan Raya Majlis Perbandaran yang diadakan pada tahun 1984. Dalam pilihan raya yang diadakan pada 25 Mac 1984, *Refah Partisi* berjaya menunjukkan prestasi yang menggalakkan apabila berjaya meraih sebanyak 4.4 peratus undi. Walaupun hanya mendapat undi sedemikian, parti tersebut berjaya menguasai 17 Majlis Perbandaran, termasuk dua wilayah, iaitu Van dan Urfa. Sejak itu, *Refah Partisi* terus berjaya meningkatkan sokongan dan popularitinya setiap kali pilihan raya diadakan yang berjumlah lima kali dalam tempoh 12 tahun.<sup>58</sup> Dalam Pilihan Raya Parliment yang diadakan pada tahun 1987 dan pertama kalinya disertai oleh *Refah Partisi*, parti tersebut berjaya memperoleh sebanyak 7.2 peratus undi. Peratusan undi yang diterima oleh *Refah* terus meningkat dalam setiap pilihan raya yang diadakan, iaitu 9.8 peratus dalam Pilihan Raya Parliment tahun 1989 dan 16.9 peratus dalam Pilihan Raya Parliment tahun 1991.<sup>59</sup>

Menjelang awal tahun 1990-an, *Refah Partisi* ternyata telah berjaya mencapai popularitinya sebagai parti yang berpengaruh sehingga mampu

menyaingi parti yang lebih kuat. Dalam Pilihan Raya Majlis Bandaran yang diadakan pada tahun 1989, *Refah Partisi* telah berjaya menggandakan jumlah undi yang diraihnya dengan memenangi 100 buah Majlis Perbandaran, termasuk menguasai beberapa buah bandar besar seperti Konya, Sivas, Van, Urfa dan Kahramanmaras. Pencapaian *Refah Partisi* yang paling cemerlang ialah dalam Pilihan Raya Majlis Perbandaran yang diadakan pada 27 Mac 1994, apabila parti tersebut berjaya menguasai 327 Majlis Perbandaran, termasuk beberapa buah bandar besar seperti Ankara dan Istanbul serta bandar-bandar besar yang lain seperti Diyarbakir, Erzurum dan Kayseri.<sup>60</sup> Dengan keputusan tersebut, *Refah Partisi* telah berjaya memenangi 28 daripada 76 wilayah di Turki atau 36.8 peratus daripada keseluruhan jumlah kerusi yang diperuntukkan.<sup>61</sup>

Pilihan raya tahun 1995 merupakan pilihan raya yang telah memberikan kemenangan besar kepada *Refah Partisi* apabila parti tersebut berjaya memperoleh sebanyak 21.32 peratus undi atau diperuntukkan sebanyak 158 kerusi daripada 550 kerusi yang dipertandingkan. Jumlah undi yang diperoleh oleh *Refah Partisi* ini mengatasi undi oleh Parti Ibu Pertiwi ANAP yang mendapat 19.66 peratus undi dan diperuntukkan sebanyak 132 kerusi. Parti Jalan Kebenaran atau *Dogru Yol Partisi* (DYP) pimpinan Tansu Ciller pula memperoleh sebanyak 19.2 peratus undi dan diperuntukkan sebanyak 134 kerusi. Di samping parti-parti utama, beberapa parti kecil juga turut berjaya memperoleh kerusi di bawah peraturan pilihan raya yang memerlukan sesebuah parti mendapat undi minimum 10 peratus bagi membolehkannya mendapat peruntukan kerusi. Parti Demokratik Kiri atau *Demokratik Sol Partisi* (DSP) memperoleh 14.6 peratus undi dan diperuntukkan sebanyak 76 kerusi. Parti Republik Rakyat atau CHP pula mendapat sebanyak 10.7 peratus undi dan diperuntukkan sebanyak 48 kerusi.<sup>62</sup>

Parti Bertanding	Peratus	Bilangan Kerusi
Refah Partisi (RP)	21.36	158
Parti Ibu Pertiwi (ANAP)	19.65	132
Parti Jalan Kebenaran (DYP)	19.18	135
Parti Demokratik Kiri (DSP)	14.64	76
Parti Rakyat Republik (CHP)	10.71	48
Parti Kelahiran (YDP)	0.34	-
Parti Bangsa (MP)	0.46	-
Parti Buruh (IP)	0.22	-
Parti Demokrasi Rakyat (HADEP)	6.17	-
Gerakan Demokrasi Baru (YDH)	0.48	-
Parti Gerakan Kebangsaan (MHP)	8.18	-
Parti Baru (YP)	0.13	-
Bebas	0.48	-

Peratusan Undi Pilihan Raya Parlimen Turki 1995<sup>63</sup>

Parti-parti lain yang turut bertanding dalam pilihan raya ini ialah Parti Gerakan Kebangsaan atau *Milli Hareket Partisi* (MHP) dan sebuah parti etnik Kurdi, iaitu Parti Demokrasi Rakyat Kurdi (HADEP). Parti ini masing-masing memperoleh undi sebanyak 8.2 peratus dan 6.1 peratus dan disebabkan gagal mencapai 10 peratus undi keseluruhan yang diperlukan, parti-parti ini tidak mendapat sebarang peruntukan kerusi.<sup>64</sup> Dengan sistem pilihan raya yang diamalkan, *Refah Partisi* berjaya mendapat kelebihan kerusi kerana kekurangan undi yang diperoleh oleh HADEP membantu meningkatkan jumlah kerusi kepada parti tersebut di wilayah tenggara yang kebanyakan penduduknya adalah komuniti Kurdi.<sup>65</sup>

Kemenangan 21.4 peratus dalam pilihan raya 1995 tidak memberi laluan mudah dan selesa kepada *Refah Partisi* untuk membentuk kerajaan secara bersendirian. Dengan peratusan undi yang diperoleh, *Refah* perlu mengadakan kerjasama dengan salah sebuah parti lain untuk membentuk kerajaan campuran. Pelbagai helah telah dilakukan oleh kumpulan berfahaman sekular di negara itu bagi menghalang dan mengelak terbentuknya pakatan kerajaan bersama *Refah Partisi*.<sup>66</sup> Sungguhpun gabungan kerajaan Mesut Yilmaz, pemimpin Parti Ibu Pertiwi ANAP dan Ciller (Parti Jalan Kebenaran-Dogyu Yol Partisi DYP) cuba diwujudkan, ternyata usaha ini menemui kegagalan, lantaran perseteruan kedua-dua pemimpin parti ini yang sudah berakar umbi kerana perbezaan dari segi pendekatan dan peribadi.<sup>67</sup> Keadaan

ini turut mengheret Turki ke kancang politik yang tidak menentu kerana pelbagai usaha bagi membentuk kerajaan menemui jalan buntu. Setelah beberapa siri perbincangan dan tolak ansur, akhirnya pada 8 Jun 1996 kerajaan campuran *Refah-DYP* berjaya dibentuk hasil daripada pakatan kerjasama antara *Refah Partisi* pimpinan Necmettin Erbakan dan DYP pimpinan Tansu Ciller. Presiden Turki pada ketika itu, iaitu Suleyman Demirel telah merestui pembentukan kerajaan campuran ini dan memberi mandat kepada Erbakan untuk membentuk kerajaan.<sup>68</sup> Dalam kompromi yang dicapai antara DYP dan *Refah Partisi*, Erbakan telah dilantik sebagai Perdana Menteri dalam sistem giliran yang dipersetujui bersama. Buat pertama kalinya dalam sejarah republik Turki sekular, seorang pemimpin yang mewakili golongan pro-Islam telah dilantik menjadi Perdana Menteri.<sup>69</sup>

Walaupun kerajaan campuran pimpinan Erbakan cuba melakukan yang terbaik untuk Turki sejak awal lagi kepimpinannya tidak disenangi oleh golongan sekular dan pihak tentera. Sebaik sahaja Erbakan berjaya membentuk kerajaan pada tahun 1996, pelbagai bentuk halangan dilakukan bagi meruntuhkan kerajaan yang dibentuk oleh seorang perdana menteri yang memperjuangkan Islam ini. Mereka sentiasa mencari kesilapan yang dilakukan oleh kerajaan pimpinan *Refah Partisi* dan mendedahkannya kepada umum bagi menggambarkan kelemahan dan kepincangan pentadbiran Erbakan. Sebagai contoh, pihak tentera mengkritik cadangan *Refah Partisi* membina Masjid Taksim di Istanbul kerana dianggap lebih mengutamakan pembinaan simbol agama yang bermotifkan politik daripada memberikan tumpuan kepada permasalahan sosioekonomi yang dihadapi oleh negara Turki.<sup>70</sup> Hakikat sebenar ialah penentangan yang dilakukan oleh mereka itu disebabkan kawasan tersebut merupakan penempatan elit yang dihuni oleh mereka yang amat tebal dengan fahaman sekularnya. Cadangan pembinaan masjid ini sudah pasti memberikan satu tamparan hebat terhadap ideologi yang dipegang oleh golongan ini.<sup>71</sup>

Pelaksanaan dasar yang mempunyai unsur keislaman dalam masyarakat yang dilakukan oleh *Refah Partisi* seperti tindakannya mengehadkan penjualan arak di premis perniagaan dan pusat hiburan, memberikan kebenaran pemakaian tudung kepala kepada pelajar universiti dan wanita bekerja, penekanan kepada pendidikan agama di institusi pendidikan rendah,

menengah dan tinggi serta beberapa polisi dalam dan luar negara, turut meningkatkan kebimbangan pihak berkuasa sekular terhadap cita-cita Erbakan untuk mendirikan kerajaan Islam di bumi Turki. Golongan sekular dan pihak tentera memperlihatkan rasa kurang senang mereka terhadap kecenderungan Islam yang semakin ketara dalam politik apabila dalam ucapan Erbakan di perhimpunan atau rapat umum yang diadakan di Sincan Ankara, Perdana Menteri Turki tersebut secara terbuka menyokong perjuangan rakyat Palestin dan menyahut saranan Kerajaan Iran supaya dilaksanakan syariah dalam pemerintahan. Pendirian yang diambil oleh Erbakan ini dipandang serius oleh golongan tentera dan mendorong mereka untuk campur tangan dengan memberikan tekanan ke atas pentadbiran kerajaan sehingga menimbulkan keadaan tidak menentu dalam politik negara Turki.<sup>72</sup>

Dengan menggunakan kuasa yang dimiliki, pada musim bunga 1997 pihak tentera telah mengemukakan 18 tuntutan ke atas kerajaan Erbakan dalam rangka menyekat agenda kumpulan Islamis ke atas pemerintahan sekular negara tersebut. Antara lain, tuntutan yang dibuat termasuklah mengarahkan penutupan sekolah agama atau lebih dikenali sebagai Madrasah Imam Hatip yang menjadi platform melatih kader-kader kumpulan pro-Islam. Kebenaran pemakaian tudung dan pakaian secara Islam juga diperketatkan dengan larangan keras pemakaianya di institusi-institusi kerajaan. Selain itu, sekatan dan tapisan yang ketat dilakukan terhadap kemasukan kumpulan Islamis dalam angkatan tentera dan Erbakan dikehendaki menandatangani surat pengisytiharan bagi memecat pegawai-pegawai tentera yang memperlihatkan kecenderungan kepada Islam.<sup>73</sup>

Kerajaan Erbakan dan *Refah Partisi* juga terpaksa berhadapan dengan tekanan apabila Ketua Pendakwa Raya Turki mengemukakan usul ke Mahkamah Perlembagaan pada 21 Mei 1997 bagi mengharamkan *Refah Partisi* kerana didakwa mengancam prinsip undang-undang sekular sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Turki.<sup>74</sup> Berikutnya tekanan yang dikenakan, pakatan kerajaan campuran Erbakan-Tansu Ciller turut menerima tamparan hebat apabila sebilangan anggota parliment parti DYP pimpinan Ciller meletakkan jawatan. Tindakan tersebut bukan sahaja menghilangkan kuasa majoriti *Refah Partisi* ke atas parliment, malahan keadaan ini turut menandakan berakhirnya episod pemerintahan kerajaan

campuran *Refah-DYP* yang dibentuk pada 8 Jun 1996. Berikutan desakan dan tekanan kuat yang dikenakan telah memaksa Erbakan meletakkan jawatan pada 18 Jun 1997 bagi mengelakkan Turki berhadapan dengan krisis perlembagaan yang boleh mengundang campur tangan tentera. Pada 28 Februari 1998 Mahkamah Perlembagaan Turki mengeluarkan arahan supaya *Refah Partisi* dibubarkan.<sup>75</sup>

### **Fazilet Partisi dan Penerusan Politik Islam**

Pengharaman *Refah Partisi* telah memberi kesan yang membawa kepada perubahan corak, pendekatan dan penyampaian politik golongan Islamis bagi memastikan kehadiran mereka terus relevan dalam konteks politik Turki. Berikutan pengharaman ke atas *Refah Partisi*, sebuah parti baru yang dinamakan *Fazilet Partisi* telah ditubuhkan pada 17 Disember 1997.<sup>76</sup> Sebenarnya, *Fazilet Partisi* ditubuhkan setelah pimpinan *Refah Partisi* menyedari bahawa terdapat usaha bersungguh-sungguh oleh pihak sekular dan tentera yang berkuasa di Turki pada ketika itu untuk menutup parti tersebut. Setelah *Refah Partisi* ditutup, kemasukan bekas pimpinan dan ahli parti tersebut dalam *Fazilet Partisi* dibuat secara berperingkat bagi mengelakkan parti ini dikaitkan secara langsung dengan parti yang diarahkan tutup. Sebaik sahaja perintah penutupan dibuat, seramai 147 bekas ahli parliment *Refah Partisi* mengisyiharkan diri mereka sebagai wakil bebas.<sup>77</sup>

Setelah lebih kurang setahun empat bulan ditubuhkan, *Fazilet Partisi* menyertai pilihan raya yang diadakan pada 18 April 1999, iaitu pilihan raya pertama yang disertainya. Disebabkan terpaksa berhadapan dengan pelbagai tekanan dan masih belum pulih sepenuhnya daripada kesan pengharaman *Refah Partisi*, dalam pilihan raya ini *Fazilet Partisi* mendapat jumlah undi yang berkurangan jika dibandingkan dengan pencapaian *Refah Partisi* dalam pilihan raya tahun 1996. Walaupun kehilangan banyak undi, *Fazilet* masih mampu memperoleh sebanyak 15.2 peratus undi dan diperuntukkan sebanyak 111 kerusi parliment. Dalam pilihan raya Majlis Perbandaran pula, parti tersebut berjaya mendapat jumlah undi yang lebih baik dengan memperoleh sebanyak 23 peratus undi dengan menguasai beberapa bandar utama, termasuk Ankara dan Istanbul. Situasi ini membuktikan bahawa *Fazilet Partisi* mendapat sokongan dalam kalangan pengundi di kawasan bandar.

Keputusan Pilihan Raya Umum 1999 telah meletakkan *Fazilet* sebagai parti ketiga terbesar selepas DSP dan MHP dalam Parlimen dan pemerintahan yang dipimpin oleh Bulent Ecevit.<sup>78</sup>

Pendukung *Fazilet Partisi* yang terdiri daripada generasi konservatif dan reformis muda menyedari rintangan yang dicetuskan oleh birokrasi kerajaan dan perundangan terhadap sebarang usaha yang mereka lakukan. Menyedari hakikat tersebut, *Fazilet Partisi* cuba menyesuaikan dasar perjuangannya, termasuklah dengan merubah orientasinya daripada yang bersifat anti-Barat kepada pendekatan yang lebih sederhana, menyokong pasaran terbuka dan menerima dasar sekular yang diamalkan oleh negara. Perubahan ini yang dilakukan bagi membolehkan tradisi agama yang masih menjadi pegangan dan amalan hidup masyarakat tempatan berkembang secara harmonis dengan keperluan semasa yang begitu mencabar.<sup>79</sup>

Transformasi yang dilakukan oleh *Fazilet Partisi* ini telah membuka banyak ruang bagi membolehkan dasarnya lebih bertoleransi dan memenuhi kehendak popular rakyat. Walaupun dengan dasar yang lebih sederhana yang diamalkan oleh *Fazilet Partisi*, kenyataan yang dibuat oleh pemimpinnya, iaitu Recai Kutan yang disifatkan konservatif dan dibayangi kepimpinan Erbakan, jelas menunjukkan bahawa parti tersebut tidak berganjak daripada terus memperjuangkan hak dan kebebasan rakyat dalam melaksanakan tuntutan agama selaras dengan ruang lingkup yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Turki. Sikap dan ketegasan pemimpin *Fazilet* tersebut dalam perkara yang menyentuh tentang amalan Islam mendapat perhatian pemimpin tentera dan sekular serta tidak disenangi oleh mereka.<sup>80</sup>

Ketegasan *Fazilet Partisi* dalam isu berhubung dengan kebebasan mengamalkan kepercayaan agama dibuktikan oleh tindakan parti tersebut mempertahankan kedudukan dan hak ahli parlimennya, Merve Safa Kavakci yang dinafikan haknya semata-mata kerana beliau memakai tudung. Bagi mereka yang tebal dengan fahaman sekular dalam angkatan tentera, birokrasi dan legislatif, pemakaian tudung dianggap sebagai manifestasi yang cuba menggugat prinsip dasar negara Turki. Pemakaianya tidak dianggap sebagai hak individu mengamalkan kepercayaannya, sebaliknya dimusuhi sebagai pendekatan terancang fahaman yang cuba menghancurkan teras sekularisme

negara Turki moden.<sup>81</sup> Fahaman sempit yang dipegang oleh golongan sekular ini mendorong mereka melemparkan pelbagai dakwaan ke atas Kavakci bagi menghalang beliau daripada meneruskan peranannya sebagai seorang ahli parlimen yang memakai tudung. Usaha mereka termasuklah dengan mempertikaikan status kerakyatannya yang sekali gus boleh melucutkan haknya sebagai seorang ahli parlimen.<sup>82</sup> Pihak sekular di Turki cuba mengungkit ucapannya dalam Persidangan Islam di Chicago pada tahun 1997 yang mengisyiharkan aktiviti keislaman yang dilakukannya sebagai suatu jihad, sebagai bahan bukti untuk menyabitkan beliau melanggar undang-undang negara.<sup>83</sup>

Isu yang mungkin dianggap remeh di sesetengah negara Islam seperti memakai tudung ternyata menjadi permasalahan besar kepada *Fazilet Partisi* apabila episod Kavakci ini dijadikan alasan oleh pihak sekular di Turki bukan sahaja melucutkan kerakyatan Kavakci, tetapi juga membuat pendakwaan bagi mengharamkan *Fazilet Partisi* yang diwakilinya.<sup>84</sup> Hal ini jelas terbukti apabila isu ini dijadikan bahan kes oleh Mahkamah Perlembagaan Turki dalam prosiding bagi menutup *Fazilet Partisi*. Berdasarkan hujah yang diberikan, Savas meminta mahkamah mengharamkan *Fazilet Partisi*, memecat 110 orang ahli parlimennya dan mengharamkan segala kegiatan politik selama lima tahun ke atas pemimpin dan aktivis politiknya. Mahkamah Perlembagaan Turki akhirnya mengarahkan agar *Fazilet Partisi* diharamkan dan keputusan dibuat pada 22 Jun 2001. Alasan yang diberikan atas pengharaman tersebut ialah dakwaan bahawa parti ini terlibat dalam kegiatan antisekular dan menjadi penerus kepada kesinambungan parti yang pernah diharamkan sebelumnya.<sup>85</sup>

## **Perpecahan dan Kesinambungan Politik Islam**

Pengalaman politik penuh cabaran yang dialami oleh penglibatan kelompok Islamis dalam politik di Turki mendorong kelahirannya perbezaan pandangan tentang pendekatan yang harus digunakan bagi menentukan kesinambungan perjuangan politik berdasarkan Islam dalam kalangan golongan veteran dan golongan generasi baharu yang inginkan pembaharuan dalam parti. Perbezaan pandangan ini sampai ke kemuncaknya apabila *Fazilet Partisi* diarahkan tutup oleh Mahkamah Perlembagaan Turki. Hikmah di sebalik pembubaran *Fazilet Partisi* telah secara rasmi memisahkan kedua-dua kelompok Islamis yang

akhirnya membawa haluan politik berbeza masing-masing. Bagi kelompok konservatif, perpisahan ini merupakan tragedi pahit yang sukar dilupakan yang berlaku sebaik sahaja selepas *Fazilet* diharamkan. Namun begitu, untuk menjaga kestabilan dalaman parti, jalan yang diambil oleh kedua-dua kelompok ini merupakan langkah terbaik bagi meneruskan kesinambungan perjuangan politik Islam.

Kumpulan yang setia dengan *Hoca*<sup>86</sup> politik Islam Turki, Necmettin Erbakan dan pendekatan politiknya telah menubuhkan parti baru, iaitu *Saadet Partisi* (SP) pada bulan Julai 2001. Pemimpin yang diamanahkan memimpin parti ini ialah bekas pengasas *Fazilet Partisi*, iaitu Recai Kutan dengan barisan kepimpinan yang terdiri daripada Dr. Ahmet Sunnetciolu, Cevat Ayhan, Dr. Yuk Muh, Ibrahim Ertan Yulek, Lutfu Esengun, Prof. Dr. Mehmet Bekarolu, Dr. Mete Gundoan, Av. Sevket Kazan, Temel Karamollaolu, Husamettin Korkutata, Mustafa Gecer, Seref Malkoc, Suat Pamukcu dan Teoman Rza Guneri. Disebabkan halangan politik yang dikenakan, Erbakan tidak menyertai parti ini ketika ditubuhkan. Erbakan hanya menyertai *Saadet Partisi* pada 11 Mei 2003 setelah dibenarkan kembali aktif apabila tempoh pengharaman berpolitik selama lima tahun yang dihadapi oleh beliau tamat. Konvensyen *Saadet Partisi* yang diadakan di Pusat Sukan Ataturk, Ankara, menandakan bermulanya kepimpinan Erbakan dalam *Saadet Partisi* dan kesinambungan perjuangan politiknya yang berlatarbelakangkan Islam.<sup>87</sup>

Tidak seperti sebelumnya, kehadiran *Saadet Partisi* sebagai sebuah parti yang memperjuangkan Islam dalam sistem demokrasi di Turki kini dicabar oleh kumpulan lain yang mempunyai matlamat yang sama, tetapi menggunakan pendekatan yang berbeza. Kumpulan ini merupakan bekas aktivis yang pernah bersama-sama dengan Erbakan, tetapi berfahaman reformis dan pragmatis. Pada 11 Ogos 2001, kumpulan ini telah mengumumkan pembentukan parti baru yang dinamakan Parti Keadilan dan Pembangunan atau AKP. Parti ini dipimpin oleh pemimpin politik generasi baru yang pernah menjadi aktivis parti Islam sebelumnya, iaitu Recep Tayyip Erdogan.<sup>88</sup>

Semasa AKP ditubuhkan, parti tersebut telah dipimpin oleh Abdullah Gul kerana pada waktu itu Erdogan dihalang daripada terlibat aktif dalam politik kerana pernah dijatuhkan hukuman penjara selama empat bulan.<sup>89</sup>

Kesalahan yang dilakukan beliau ialah kerana membaca puisi karya seorang nasionalis Turki, Ziya Gokalp ketika menyampaikan ceramahnya di Siirt. Puisi yang disifatkan oleh pihak tentera “membangkitkan rasa kebencian berdasarkan kepada perbezaan agama,” berbunyi, “Masjid Turki adalah berek kami, menara-menaranya adalah benet kami, kubahnya adalah topi besi kami dan orang beriman (Islam) adalah tentera kami.”<sup>90</sup> Dalam ucapannya, Erdogan turut menyatakan ketegasannya berhubung prinsip Islam dengan berkata:

*“If the skies and the ground were to open against us. If floods and volcanoes were to bust, we will not turn from our mission. My reference is Islam. If I am not able to speak of this, what is the use of living?”<sup>91</sup>*

Pembacaan puisi ini disifatkan sebagai menggalakkan kesedaran Islam dan menghina pemerintahan sekular Turki. Lantaran pengharaman yang dikenakan, Erdogan bukan sahaja tidak dibenarkan memegang jawatan, malahan tidak dibenarkan bertanding dalam pilihan raya yang diadakan pada bulan November 2002. Sekembalinya Erdogan dalam AKP, kehadiran beliau telah memberi imej dan harapan baharu kepada penyokong parti ini bersandarkan ‘track record’ dan reputasi kepimpinan berkarisma beliau sebagai bekas Datuk Bandar Istanbul yang menjadi daya tarikan politik bagi kelompok berhaluan kanan yang menghubungkan pemikiran modenis Islam, sekular dan tradisionalis. Kebangkitan AKP juga dilihat telah berjaya meliberalisasikan kumpulan Islamis yang dianggap radikal.<sup>92</sup>

Menyedari hakikat kedudukan sistem sekular,kekangan politik dan pengalaman yang dilalui sepanjang penyertaan dalam proses politik pilihan raya dan demokrasi di Turki, pemimpin beraliran moderat dan reformis seperti Recep Tayyip Erdogan dan Abdullah Gul mengambil pendekatan yang prakmatis dan akomodatif dalam menerajui kepimpinan AKP, walaupun terpaksa mengorbankan perkara-perkara yang menjadi prinsip pegangan mereka dalam parti sebelumnya. Ternyata dengan pendekatan yang digunakan berjaya membawa pemikiran politik Islam dalam arus perdana politik Turki, apabila parti ini mendapat kemenangan besar dalam Pilihan Raya Parlimen pada 3 November 2002 dengan memperoleh 34.3 peratus undi. Kemenangan besar yang dicapai oleh AKP telah memberi kejutan kepada ramai pihak di serata dunia. Sejak 15 tahun yang lalu, belum pernah sebuah parti mendapat

majoriti terbesar dalam pilihan raya yang diadakan.<sup>93</sup> Kejayaan ini diikuti dengan kemenangan yang lebih besar dan semakin meningkat dalam pilihan raya pada 22 Julai 2007 dan pada 12 Jun 2011. Dalam pilihan raya 2002 ini, SP yang dipimpin Erbakan hanya berjaya memperoleh 2.5 peratus undi. Undian terhadap SP terus merosot dalam pilihan raya seterusnya pada tahun 2007 dan 2011, masing-masing dengan peratus undian sebanyak 2.33 peratus dan 1.27 peratus.<sup>94</sup>

Dalam hal ini, pendekatan konservatif Islamis yang dipegang oleh kepimpinan SP ternyata gagal membawa parti tersebut sebagai sebuah parti yang mendapat sokongan rakyat, apatah lagi mendapat kepercayaan untuk membawa Turki terus maju ke hadapan dan keluar dari krisis ekonomi dan politik yang dideritainya daripada kepimpinan kerajaan yang lepas. Sebaliknya, AKP pimpinan Erdogan semakin diterima oleh rakyat dan diberi kepercayaan untuk memerintah selama tiga penggal berturut-turut dengan kemenangan yang semakin meningkat yang diraihnya dalam pilihan raya 2007 dan 2011. Selain itu, dengan strategi dan kekuatan politik yang dimiliki oleh jentera parti, AKP tidak hanya berjaya mengekalkan jawatan Perdana Menteri dan kerajaan majoriti penuh yang dikuasainya, malahan berjaya meletakkan Abdullah Gul sebagai Presiden Turki dari kumpulan beraspirasi Islam pertama, iaitu jawatan tertinggi dalam sistem politik Turki, dalam pemilihan presiden tahun 2007 yang kekal sehingga kini.<sup>95</sup>

Walaupun pada peringkat awal pemerintahan Kerajaan AKP pelaksanaan program pembangunan Islam berlaku agak perlahan, langkah yang diambil oleh Erdogan ini merupakan tindakan terbaik untuk memastikan kesinambungan parti dan kerajaan yang dipimpinnya. Tindakan ini nyata berbeza dengan langkah yang diambil oleh Erbakan ketika mengambil alih kerajaan pada Jun 1996. Tanpa menghiraukan sentimen pihak tentera, Erbakan telah mengisyiharkan bahawa dasar pemerintahannya adalah Islam dan dengan beberapa langkah yang diambil berhubung prinsip Islam yang dianggap mampu menggugat dasar sekular Turki. Tindakan drastik Erbakan ini terbukti mengundang padah apabila tentera bertindak mencampuri hal ehwal pentadbiran dan mengharamkan parti yang diwakilinya. Walau bagaimanapun, kepimpinan AKP agak berhati-hati ketika menjalankan dasar yang berkaitan dengan Islam termasuklah dengan mengambil tindakan yang selaras dengan

tuntutan Pendakwa Raya supaya melucutkan keanggotaan enam orang pengasas wanita parti tersebut yang didapati memakai tudung.<sup>96</sup>

Dengan pendekatan yang diambil, kerajaan Erdogan mampu bertahan sehingga kini, yang walaupun berhadapan dengan pelbagai percubaan untuk menjatuhkan kerajaanya, masih gagal untuk melibatkan campur tangan tentera secara langsung. Dengan kelebihannya sebagai parti dominan yang mendapat mandat untuk memerintah, AKP berjaya menggunakan ruang demokrasi dan kekuatan jentera parti untuk kekal berkuasa dan merubah dasar yang memberi manfaat kepada rakyat Turki dan masa depan politik Islam di Turki. Menerusi pendekatan yang diambil, ternyata telah menjadi penentu kepada kesinambungan AKP dan kerajaan yang diwakilinya.<sup>97</sup>

## **Penutup**

Fenomena kemunculan dan kejatuhan parti-parti politik seperti MNP, MSP, *Refah*, *Fazilet* dan *Saadet Partisi* merupakan suatu cabaran kepada pertubuhan politik yang memperjuangkan peradaban Islam dalam pembinaan peradaban bangsa untuk lebih peka dan berhati-hati terhadap dasar dalam negara. Fenomena ini menjelaskan beberapa keadaan yang menggambarkan realiti sebenar politik Turki. Pertama, beberapa siri rampasan kuasa dan campur tangan tentera dalam pentadbiran kerajaan membuktikan bahawa kumpulan elit pemerintah mampu berbuat apa sahaja melalui kuasa yang ada di tangan mereka untuk menyekat sebarang usaha memartabatkan peradaban Islam dalam kalangan masyarakat, walaupun tindakan ini mungkin boleh mengundang krisis terhadap kedaulatan demokrasi dan kestabilan politik di Turki.

Penyertaan aspirasi berunsurkan Islam dalam politik sehingga mampu menggugat kedudukan dasar sekular negara menyebabkan pihak pemerintah enggan menyerahkan tumpuk pemerintahan dan memberi laluan yang selesa kepada golongan ini demi menjaga status quo dan kepentingan mereka. Walaupun kumpulan Islamis ini terbukti berjaya melalui proses demokrasi dan membuktikan kemampuan mereka mentadbir negara dengan baik, penyertaan kumpulan Islam ini amat diragui oleh kelompok sekular dan pemerintah tertinggi tentera kerana ditakuti mereka akan berusaha

untuk mengembalikan semula Turki kepada pemerintahan Islam yang sangat bercanggah dengan tujuan asal pembentukan Republik Turki moden. Kumpulan Islamis juga sering kali dilabelkan dengan gerakan fundamentalis agama yang turut disenaraikan sebagai antara ancaman terbesar kepada dasar sekular dan kestabilan negara. Alasan ini digunakan oleh pemerintah tentera bagi mengukuhkan tindakan dan kuasa veto mereka untuk menyekat sebarang aktiviti politik dan peluang kumpulan Islamis dalam proses politik. Hal ini termasuklah menggunakan mekanisme perlembagaan sebagai pemelihara dasar sekular Turki, perundangan, budaya dan sejarah untuk mempertahankan status dan kedudukan mereka dalam menentukan dasar, membuat tuntutan dan mencampuri isu berkaitan politik dan pemerintahan.

Kedua, walaupun parti-parti yang berorientasikan Islam sering berhadapan dengan risiko pengharaman dan pembubaran parti, segala halangan politik ini tidak melemahkan perjuangan mereka untuk terus menujuhan parti baharu dengan beberapa strategi yang cuba mengelak daripada menimbulkan konflik dengan pihak sekular dan birokrasi pihak tentera. Parti-parti ini juga terpaksa mengendurkan prinsip yang dipegang selama ini untuk meneruskan kesinambungan parti yang diterajui dan kekal relevan dalam arus perdana politik Turki. Inilah situasi yang dihadapi oleh *Fazilet Partisi* dan AKP apabila kepimpinan parti mengambil pendekatan menerima pasaran terbuka dan dasar sekular yang diamalkan oleh Turki ketika berhadapan halangan daripada pihak tentera, pemerintah sekular dan proses perundangan Turki.

Pertembungan kefahaman dan budaya antara sekular, Islam dan demokrasi sering dirujuk dalam perbahasan yang mengaitkan penyertaan elemen politik Islam dalam konteks politik semasa khususnya setelah berlakunya beberapa siri penutupan parti politik oleh mahkamah perlembagaan Turki. Walaupun berhadapan dengan penentangan fahaman sekular dan pihak tentera yang amat memusuhi elemen Islam yang dibawa oleh kumpulan Islamis ini, usaha mengembalikan masyarakat mengamalkan ajaran Islam yang sebenar tidak pernah luntur dari perjuangan kumpulan politik Islam, walaupun terpaksa menggunakan pendekatan yang berbeza dalam ruang demokrasi yang diamalkan di Turki.

Buat masa ini, demokrasi masih memberi laluan yang secara relatifnya luas dalam konteks amalan di Turki kepada masyarakat Islam untuk tampil lebih aktif dan berpartisipasi dalam arus perdana politik di negara itu. Dengan ruang dan beberapa kelonggaran yang didapati dalam amalan demokrasi di Turki telah dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh kumpulan Islam untuk memastikan kesinambungan perjuangan agama dan politik mereka. Sikap prakmatis dan akomodatif kepimpinan AKP seharusnya dipuji kerana dengan pendekatan yang diguna pakai telah berjaya melemahkan sistem sekular dan pihak tentera di samping turut dibantu oleh kekuatan suara rakyat kepada AKP yang semakin meningkat setiap kali pilihan raya diadakan. Berbanding pendekatan keras dan konservatif dalam memperjuangkan Islam oleh *Saadet Partisi* pimpinan Erbakan yang semakin ditolak oleh rakyat, penampilan moderat Erdogan lebih popular dan disenangi oleh semua pihak yang yakin bahawa kepimpinan beliau boleh mencorakkan politik dan masa depan Turki yang lebih cemerlang.

## Nota

- <sup>1</sup> Mohammad Redzuan Othman, Mashitah Sulaiman. *Islam dan Politik di Turki*. Petaling Jaya: Tradisi Ilmu Sdn. Bhd. 2005, hlm. 10.
- <sup>2</sup> Vahide, Sukran. “The Life and Times of Bediuzzaman Said Nursi,” *The Muslim World*, Vol. 89, No. 3 – 4, Julai – Oktober 1999, hlm. 211; Mukti Ali, H.A., *Islam dan Sekularisme di Turki Modern*, Jakarta: Penerbit Djambatan, 1994, hlm. 30; Mohamad Zaidi Mat, *Bediuzzaman Said Nursi: Sejarah Perjuangan dan Pemikiran*, Shah Alam: Malita Jaya Sdn. Bhd., 2001, hlm. 64.
- <sup>3</sup> Lihat, Yavuz, M. Hakan. “Toward an Islamic Liberalism? The Nurcu Movement and Fethullah Gulen.” *Middle East Journal* 53.4. (1999). hlm. 584 – 605. Aras, Bulent dan Omer Caha, “Fethullah Gulen and His Liberal ‘Turkish Islam’ Movement.” *Middle East Review of International Affairs* 4.4 (Disember 2000): hlm 1 – 14.
- <sup>4</sup> Mashitah Sulaiman. “Islam dan Pembinaan Peradaban Turki Modern Melalui Proses Politik.” *Thesis Master*. Pengajian Peradaban, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2004, hlm. 38 – 39.
- <sup>5</sup> Heper, Metin & Sayari, Sabri. *Political Leaders and Democracy in Turkey*. Lexington Books, 2002, hlm. 69 – 71.
- <sup>6</sup> Lihat, VanderLippe, John M. *The Politics of Turkish Democracy: İsmet İnönü and the Formation of the Multi-Party System, 1938 – 1950*. New York: Albany, State University of New York Press, 2005.
- <sup>7</sup> Landau, Jacob M. *Radical Politics in Modern Turkey*. Leiden: E. J. Brill, 1974, hlm. 188.
- <sup>8</sup> *Ibid.*, hlm. 189.

- <sup>9</sup> Berberoglu, Berch. *Turkey in Crisis: From State Capitalism to Neo-Colonialism*. London: Zed Press, 1982, hlm. 93.
- <sup>10</sup> MNP telah mendapat sokongan yang amat menggalakkan dari media massa. Akhbar harian *Bugun dan Babi Ali de Sabah* misalnya, sering memberikan laporan yang positif dan meluas tentang MNP dan menyokong gagasan Islam yang diperjuangkannya. Sokongan terhadap MNP juga diberikan oleh majalah mingguan *Yeniden Milli Mucadele* yang diterbitkan pada 3 Februari 1970 seminggu selepas penubuhan parti tersebut sehingga dianggap sebagai lidah rasminya. Segala pandangan, gagasan dan gaya penampilan Erbakan sering dimuatkan dalam majalah tersebut, walaupun nama parti tersebut tidak dinyatakan di dalamnya. Landau, Jacob M. *Radical Politics in Modern Turkey*. hlm. 189 – 192.
- <sup>11</sup> Ahmad, Feroz. *The Turkish Experiment in Democracy 1950 – 1975*. London: C. Hurst & Company, 1977, hlm. 383.
- <sup>12</sup> *Ibid.*, hlm. 383.
- <sup>13</sup> Landau, Jacob M. *Radical Politics*. hlm. 190 – 191.
- <sup>14</sup> *Ibid.*, hlm. 190.
- <sup>15</sup> Toprak, Binnaz. “Politicisation of Islam in Secular State: The National Salvation Party in Turkey.” Dlm. Said Amir Arjomand (Ed.), *From Nationalism to Revolutionary Islam*. Oxford: Macmillan, 1984. hlm. 130.
- <sup>16</sup> Muhammed Khan Kayani. *Islamist Prime Minister of Turkey & His Political Thoughts*. Istanbul: The Ummah, 1996, hlm. 15 – 16.
- <sup>17</sup> Toprak, Binnaz. “Politicisation of Islam in Secular State,” hlm. 130.
- <sup>18</sup> “Necmettin Erbakan’s Biography.” *Islamic Awakening*, No. 8, (July 2013): 2.
- <sup>19</sup> *Ibid.*, hlm. 2.
- <sup>20</sup> Toprak, Binnaz. “Politicisation of Islam in Secular State,” hlm. 130.
- <sup>21</sup> “Necmettin Erbakan’s Biography.” *Islamic Awakening*, hlm. 2.
- <sup>22</sup> Muhammed Khan Kayani, *Islamist Prime Minister of Turkey*, hlm. 16.
- <sup>23</sup> “Scientist Who Took to Politics.” *Reading in Islam Quarterly* 5 (Suku Kedua, 1399/1979): 58; “Erbakan, Necmettin,” 28 Julai 2002. hlm. 1, <http://naqshbandi.org/ottomans/modern/erbakan.htm>.
- <sup>24</sup> “Necmettin Erbakan’s Biography.” *Islamic Awakening*, hlm. 3. “Scientist Who Took to Politics” *Reading in Islam Quarterly*, hlm. 58.
- <sup>25</sup> “Prof. Dr Necmettin Erbakan,” *Laman Rasmi Saadet Partisi*, dicapai pada 2 Oktober 2013, <http://www.saadet.org.tr/kisi/necmettin-erbakan>.
- <sup>26</sup> “Scientist Who Took to Politics” *Reading in Islam Quarterly*, hlm. 58.
- <sup>27</sup> Shambayati, Hootan. “The Rentier State, Interest Groups and the Paradox of Autonomy: State and Business in Turkey and Iran.” *Comparative Politics* 26.3 (April 1994): 316.
- <sup>28</sup> *Ibid.*, hlm. 314.
- <sup>29</sup> Weiker, Walter F. *The Modernization of Turkey: From Ataturk to the Present Day*. London: Holmes & Meier Publishers, 1981. hlm. 138.
- <sup>30</sup> “Prof. Dr. Necmettin Erbakan”, hlm. 1.
- <sup>31</sup> Weiker, Walter F. *The Modernization of Turkey*. hlm. 138.
- <sup>32</sup> Mohammad Redzuan Othman, Mashitah Sulaiman. *Islam dan Politik di Turki*. hlm. 25.
- <sup>33</sup> Berberoglu, Berch. *Turkey in Crisis*. hlm. 95.
- <sup>34</sup> *Ibid.*, hlm. 103.
- <sup>35</sup> Ahmad, Feroz. *The Making of Modern Turkey*, London: Routledge, 1993. hlm. 147.

- <sup>36</sup> Ahmad, Feroz. *The Turkish Experiment in Democracy*. hlm. 288 – 289; Peretz, Don. *The Middle East Today*. London: Praeger, 1994. hlm. 189.
- <sup>37</sup> Peretz, Don. *The Middle East Today*. hlm. 189.
- <sup>38</sup> Mohammad Redzuan Othman, “Gerakan Islam dengan Demokrasi: Pengalaman Masa Lalu dan Prospek Masa Depan,” Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Antarabangsa Demokrasi dan Masyarakat Madani*, Kuala Terengganu, 8 September 2002, hlm. 4 – 5.
- <sup>39</sup> Ahmad, Feroz. *The Making of Modern Turkey*, hlm. 147; Mohammad Redzuan Othman, Mashitah Sulaiman. *Islam dan Politik di Turki*, hlm. 27.
- <sup>40</sup> Landau, Jacob M. *Radical Politics in Modern Turkey*. hlm. 188.
- <sup>41</sup> Alkan, Turker. “The National Salvation Party in Turkey” dalam Metin Heper, Raphael Israeli (Ed), *Islam and Politics in the Modern Middle East*, London: Croom Helm, 1984. hlm. 82. Dalam kongres pertama MSP pada Januari 1973, Suleyman Arif Emre dilantik sebagai presiden parti. Menjelang 16 Mei 1973, iaitu lima bulan sebelum pilihan raya umum diadakan, Erbakan dan diikuti oleh dua lagi ahli parliment Parti Keadilan, iaitu Husameetin Akmumcu dan Huseyin Abbas, menyertai MSP secara rasmi. Erbakan mula memainkan peranannya memimpin MSP ketika kempen pilihan raya 1973 diadakan. Setelah itu, Suleyman Emre mengambil tindakan meletakkan jawatannya sebagai presiden MSP bagi memberi laluan kepada Erbakan untuk memimpin parti sehingga halal parti tersebut diharamkan pada tahun 1980. Landau, Jacob M. *Radical Politics in Modern Turkey*, hlm. 189.
- <sup>42</sup> Landau, Jacob M. *Radical Politics*. hlm 189 – 192.
- <sup>43</sup> Geyikdagı, Mehmet Yasar. *Politics Party in Turkey: The Role of Islam*. New York: Praegar, 1984. hlm. 120.
- <sup>44</sup> Landau, Jacob M. *Radical Politics*. hlm. 190.
- <sup>45</sup> “Scientist Who Took to Politics” *Reading in Islam Quarterly*, hlm. 57.
- <sup>46</sup> *Ibid.*, hlm. 57.
- <sup>47</sup> “Prof. Dr Necmettin Erbakan,” hlm. 1.
- <sup>48</sup> Toprak, Binnaz. “Politicisation of Islam in Secular State,” hlm. 125.
- <sup>49</sup> Alkan, Turker. “The National Salvation Party in Turkey,” hlm. 84 – 85.
- <sup>50</sup> *Ibid.*
- <sup>51</sup> Karpat, Kemal H. “Turkish Democracy at Impasse: Ideology, party Politics and the Third Military Intervention,” *International Journal of Turkish Studies*, 2.1 (1981): hlm.1 – 5.
- <sup>52</sup> Toprak, Binnaz. “The State, Politics and Religion in Turkey.” Dlm. Heper, Metin & Ahmet Evin (Ed.), *State, Democracy and the Military Turkey in the 1980s*. New York: Walter de Gruyter, 1988. hlm. 126 – 127.
- <sup>53</sup> Narli, Nilufer. “The Rise of the Islamist Movement in Turkey.” *Middle East Review of International Affairs*, 3.3 (September 1999): 2.
- <sup>54</sup> Salt, Jeremy. “Nationalism and the Rise of Muslim Sentiment in Turkey.” *Middle Eastern Studies*, 31.1 (Januari 1995): hlm.16 – 20.
- <sup>55</sup> Toprak, Binnaz. “The State, Politics and Religion in Turkey.” Dlm. Heper, Metin & Ahmet Evin (Ed.), *State, Democracy and the Military Turkey in the 1980s*. hlm. 131 – 134.
- <sup>56</sup> Lihat Sami Zubaida. “Turkish Islam and National Identity.” *Middle East Report*, (April – Jun 1996): hlm.11 – 12; Ahmad, Feroz. *The Making of Modern Turkey*. hlm. 219 – 222.
- <sup>57</sup> Toprak, Binnaz. “The State, Politics and Religion in Turkey,” hlm. 134.
- <sup>58</sup> Gulalp, Haldun. “Political Islam in Turkey: The Rise and Fall of the Refah Party,” *The Muslim World*, 89.1 (Januari 1999): hlm. 22.

- <sup>59</sup> “Turkey Update”, *Center for Strategic and International Studies*, Mac 1998, hlm. 1. <http://www.csis.org/turkey/TU9803.htm>.
- <sup>60</sup> Akinci, Ugur. “The Welfare Party’s Municipal Track Record: Evaluating Islamist Municipal Activism in Turkey.” *Middle East Journal*, 53.1 (Musim Sejuk 1999): hlm. 78.
- <sup>61</sup> *Ibid.*, hlm. 78.
- <sup>62</sup> *Turkish Daily News*, 4 Januari 1996.
- <sup>63</sup> *Ibid.*
- <sup>64</sup> Onis, Ziya. “The Political Economy of Islamic Resurgence in Turkey: The Rise of the Welfare Party in Perspective.” *The Third World Quarterly*, 18.4 (Disember 1997): hlm. 765.
- <sup>65</sup> “Islamist Party Wins Turkish Polls by Wafer-Thin Margin.” *New Straits Times*, 26 Disember 1995, hlm. 19.
- <sup>66</sup> M. H. Faruqi. “Trying to Marry an Odd Couple: Refah Poses a Matchmaking Dilema.” *Impact International* 26.2 (Februari 1996): 14 – 16. Lihat juga “Ciller Letak Jawatan PM Turki.” *Utusan Malaysia*, 26 Disember 1995, hlm.18.
- <sup>67</sup> Kalaycioglu, Ersin. “The Logic of Contemporary Turkish Politics,” *Middle East Review of International Affairs*, 1.3 (September 1997): hlm. 8.
- <sup>68</sup> “Turkey Approves Islamic-led Government.” *Time Daily*, 8 Julai 1996: hlm. 1; “Partai Refah Janji Turki Tetap Sekuler.” *Kompas Online*, 8 Jun 1996, hlm. 1.
- <sup>69</sup> Mohammad Redzuan Othman, Mashitah Sulaiman. *Islam dan Politik di Turki*. hlm. 71.
- <sup>70</sup> Gulalp, Haldun. “Political Islam.” hlm. 38.
- <sup>71</sup> Mohammad Redzuan Othman, Mashitah Sulaiman. *Islam dan Politik di Turki*. hlm. 83.
- <sup>72</sup> Esposito, John L. “Islam and Secularism in the Twenty-First Century.” Dlm. Esposito, John L. & Azzam Tamimi (Ed.). *Islam and Secularism in the Middle East*. London: C. Hurst & Co. Ltd., 2000. hlm. 6.
- <sup>73</sup> *Ibid.*, hlm. 6.
- <sup>74</sup> Opinion on the Fund of the Office of Chief Prosecutor of The Constitutional Court of Appeal of The Republic.” *Office of the Chief Prosecutor of the Republic*. 21 Mei 1997. No. SP. 13 Hz. 1997/109. hlm. 1 – 46.
- <sup>75</sup> Esposito, John L. “Islam and Secularism in the Twenty-First Century,” hlm. 8.
- <sup>76</sup> “Gul: New Pro-Islamic Party to be Ready This Week.” *Turkish Daily News*, 24 Februari 1998: hlm. 2.
- <sup>77</sup> Lihat Cevik, Ilnur. “The Virtue Party: Confusion of All Kinds” dan “Former Refah Members Gather in Virtue”, *Turkish Daily News*. 25 Februari 1998: hlm. 1 – 2.
- <sup>78</sup> Irfan, Ahmad. “Elections but No Freedom to Choose: What Do You Do if are A Turk,” *Impact International*, 29.5 (May 1999): hlm. 24 – 25; Cevik, Ilnur. “MHP Quake Clouds DSP Victory,” *Turkish Daily News*, 20 April 1999; “Kutan: ‘FP the Winner of Local Elections,’ *Turkish Daily News*, 21 April 1999, hlm. 1 – 2. Lihat juga, Makovsky, Alan. “Research Guide: Turkey’s Election and New Government: An Analysis of the 1999 Elections,” *Middle East Review of International Affairs Research*, (1999): hlm. 1 – 7.
- <sup>79</sup> Boztemur, Recep, “Political Islam in Secular Turkey in 2000: Change in the Rhetoric Towards Westernization, Human Rights and Democracy.” *International Journal of Turkish Studies*, 7.1 & 2 (Musim Bunga 2001): 125 – 135.
- <sup>80</sup> Mashitah Sulaiman. “Islam dan Pembinaan Peradaban Turki Moden Melalui Proses Politik,” hlm. 117.
- <sup>81</sup> Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Islam dan Politik di Turki*, hlm. 102.

- <sup>82</sup> Merve Kavakci telah berkahwin dengan seorang ahli peniagaan Turki warga Amerika Syarikat, Bekir Yildirim. Menurut perlumbaan Turki, apabila seseorang wanita berkahwin dengan warga asing, maka secara langsung kerakyatan beliau mengikut negara suaminya. Tetapi sekiranya beliau enggan melepaskan kerakyatan Turki, beliau boleh mempunyai dua kerakyatan. Lihat Gareth Jenkins, “Turkish Islamist on US Visit,” *Al-Ahram Weekly*, 455 (11 – 17 November 1999): 2.
- <sup>83</sup> “Kavakci Besieged by legal Decisions,” *Turkish Daily News*, 11 Mei 1999, hlm. 1 – 2.
- <sup>84</sup> Nafeez Mosaddeq Ahmed. “Routing Out the Opposition: The Comprehensive Repression of Human Rights in Turkish Society.” *Lexington Area Muslim Network*, 7 Disember 2000: hlm. 1. <http://www.Ihrc.org>.
- <sup>85</sup> Lihat <http://www.islamicparty.com/commonsense/fazilat1.htm>. Lihat juga, Boztemur, Recep, “Political Islam in Secular Turkey in 2000,” hlm. 132.
- <sup>86</sup> *Hoca* adalah gelaran yang diberikan kepada Erbakan sebagai guru spiritual politik Islam Turki.
- <sup>87</sup> Recai Kutau meletak jawatannya pada 11 Mei 2003 bagi memberi laluan kepada Erbakan untuk memimpin *Saadet*. “Erbakan Returns to Active Politics.” *Turkish Daily News*, 12 Mei 2003: 3.
- <sup>88</sup> “Turkey Forms New Islamic Party.” *Islam Online*. Ankara, 14 Ogos 2001, hlm 1. <http://www.islamonline.net/English/News/2001-08/15/article1.shtml>.
- <sup>89</sup> Erdogan hanya dikenakan hukuman penjara selama empat bulan setengah. Heper, Metin. “Islam, Modernity and Democracy in Contemporary Turkey: The Case of Recep Tayyip Erdogan.” *Turkish Daily News*. 5 Februari 2002: hlm. 4; Turgut, Pelin. “Turk Islamist Marathon Man Jailed but Not Forgotten.” *Middle East Times*, 11 April 1999, hlm. 1.
- <sup>90</sup> Lihat Yavuz, M. Hakan. “The Politics of Fear: The Rise of the Nationalist Action Party (MHP) in Turkey.” *Middle East Journal* 56. 2 (Musim Bunga 2002): 204; “Erdogan goes to prison,” *Hurriyet Daily News*, 27 Mac 1999.
- <sup>91</sup> *Hurriyet Daily News*, 27 Mac 1999, hlm. 2.
- <sup>92</sup> Ismail Duman. “Division in Erbakan’s Movement.” *Islamic Awakening*, 1.1 (Summer 2013): hlm. 14 – 15.
- <sup>93</sup> “AKP Wins Turkish Elections.” *Turkish Daily News*, 4 November 2002: hlm. 1 – 2.
- <sup>94</sup> Lihat, “AKP Wins Turkish Elections.” *Turkish Daily News*, 4 November 2002: hlm. 1 – 2.; Eligur, Banu. “The Changing Face of Turkish Politics: Turkey’s July 2007 Parliamentary Elections,” *Middle East Brief*, 22 (November 2007): 1 – 3; Çarkoğlu, Ali. “Turkey’s 2011 General Elections: Towards a Dominant Party System?” *Insight Turkey*, 13.3 (2011): 43 – 62.
- <sup>95</sup> Lihat, Barkey, Henri J., Congar, Yasemin, “Deciphering Turkey’s Elections: The Making of a Revolution.” *World Policy Journal*, 24.3 (Fall, 2007): 63.
- <sup>96</sup> “Turkish Travails.” *Al-Ahram Weekly*, 6 – 12 September 2001: hlm. 2.
- <sup>97</sup> Kejayaan kerajaan AKP yang berjaya mengekalkan kuasa sejak tahun 2002 disumbangkan oleh pelbagai faktor seperti pencapaian ekonomi AKP, peranan kelas menengah Muslim Anatolia, sokongan dan dukungan kumpulan Islamis dan usahawan Muslim, kemakmuran dan kesejahteraan hidup rakyat, keprihatinan kerajaan AKP terhadap kebajikan rakyat, AKP sebagai parti milik pelbagai kelompok masyarakat dan aliran pemikiran, personaliti kepimpinan Erdogan, dasar integriti dan demokratik yang diyakini dapat membawa Turki moden untuk maju kehadapan dan mencapai kemakmuran bersama-sama negara-negara maju yang lain. Lihat Senkyr, Jan. “Elections in Turkey – Another Triumphal Success for the AKP,” *KAS International Reports*, 8 (2011): 39 – 50; Çinar, Menderes. “The Electoral

Success of the AKP: Cause for Hope and Despair”, *Insight Turkey*, 13.4 (2011): 107 – 127; Fabbe, Kristin. “Analysis of Current Events, Doing more with less: the Justice and Development Party (AKP), Turkish elections, and the uncertain future of Turkish politics”, *Nationalities Papers*, 39.5 (September 2011): 657 – 666.

